

PENDEKATAN SURAH LUQMAN DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK

MOHAMMAD AMIR REDZUAN BIN SAMEAN

(PIB 18097)

**IJAZAH SARJANA MUDA DAKWAH ISLAMIAH DENGAN
KEPUJIAN**

**PROJEK ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK
MEMENUHI**

**SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK DIANUGERAHKAN
IJAZAH SARJANA**

MUDA DAKWAH ISLAMIAH DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

2022

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan:

Nama Calon: MOHAMMAD AMIR REDZUAN BIN SAMEAN

No. Matrik: PIB18097

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas segala rahmatnya yang telah memberi saya inspirasi, kebijaksanaan, kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan tesis ini.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Ustazah Siti Masliah binti Mohd Nuri di atas segala masa yang berharga, ilmu dan nasihat yang tidak terkira, serta bimbingan dan dorongan yang sangat memberi motivasi. Tanpa bantuan mereka berdua, saya tidak akan dapat menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga turut di berikan kepada ibu bapa saya, Samean bin Mudri dan Mariawati binti Baharum di atas segala pengorbanan dan iringan doa yang sentiasa membakar semangat saya untuk terus berjuang dalam kehidupan ini. Tesis ini saya hadiahkan khas kepada mereka berdua.

Penghargaan turut diberikan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang banyak membantu saya sepanjang pembelajaran saya. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah dan semua yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini.

Terima kasih.

ABSTRAK

Keruntuhan akhlak moral dalam kalangan remaja mencetuskan kebimbangan serta persoalan tentang sejauh manakah proses pembentukan sahsiah seseorang anak selari dengan panduan Allah SWT yang terkandung dalam Al Quran. Anak-anak merupakan anugerah dan amanah Allah SWT. Mereka juga merupakan penyambung kepada generasi seterusnya. Pelbagai pihak mengakui betapa pentingnya anak-anak dalam kehidupan berkeluarga, seterusnya membawa kepada pembentukan masyarakat dan begara. Lantaran itu, Pendidikan awal kanak-kanak ini menjadi agenda utama semua pihak yang terlibat dalam bidang Pendidikan. Namun, sebenarnya manhaj tarbiyyah anak-anak ini telah digariskan oleh Allah SWT di dalam A-Quran untuk menjadi panduan kepada semua. Kajian kualitatif ini akan memfokuskan kepada manhaj Al-Quran dalam surah Luqman di dalam mendidik anak-anak. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah menganalisis yeks, iaitu mengkaji aulawiyyat yang telah digariskan oleh alQuran dalam pendidikan anak-anak. Aulawiyat ini seharusnya diberikan penekanan oleh semua pihak yang terlibat dalam proses pendidikan anak-anak. Hasil kajian mendapati aulawiyyat yang digariskan oleh al-Quran dalam mendidik anak-anak ialah bermula dengan pendidikan akidah, seterusnya syariah dan akhlak. Ia merupakan silibus terbaik yang perlu aplikasikan dalam sistem pendidikan anak-anak khususnya dan kanak-kanak umumnya. Hasil kajian mendapati menurut Al-Quran, dalam mendidik anak-anak mestilah bermula dengan Pendidikan akidah, seterusnya Syariah dan akhlak.

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN.....	ii
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	iv
BAB 1	1
1.1 PENGENALAN.....	1
1.2 PERNYATAAN MASALAH.....	2
1.3 OBJEKTIF KAJIAN.....	3
1.4 PERSOALAN KAJIAN.....	3
1.5 DEFINISI KAJIAN	4
1.5.1 Definisi Anak	4
1.5.2 Definisi Pendidikan	4
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	5
1.7 SOROTAN LITERATUR	6
1.7.1 Sebab Penamaannya	6
1.7.2 Isi Kandungan Surah Luqman secara Umum.....	7
1.8 METODOLOGI KAJIAN	9
1.8.1 Definisi Metodologi Kajian.....	9
1.8.2 REKA BENTUK KAJIAN	9
BAB 2	11
SOROTAN LITERATUR	11
2.1 MANHAJ PENDIDIKAN ANAK-ANAK DI DALAM SURAH <i>LUQMAN</i>	11
2.1.1 Kefahaman akidah yang sahih.....	11
2.1.2 Menekankan Pengamalan Hukum Syara' serta Kepatuhan Kepadanya	12
2.1.3 Menghiasi Diri Dengan Akhlak	13
BAB 3	15
METODOLOGI KAJIAN	15
3.1 DEFINISI METODOLOGI KAJIAN	15
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	16

3.3 POPULASI DAN PERSAMPELAN	17
3.4 PROSES PENGUMPULAN DATA.....	18
3.5 DATA ANALISIS	20
BAB 4	22
DATA ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.....	22
4.0 PENDAHULUAN	22
4.1 PEMAHAMAN IBU BAPA.....	23
4.2 KEBERKESANAN MEDIUM PENGAJARAN	23
4.3 PENERIMAAN ANAK-ANAK.....	24
BAB 5	25
PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN.....	25
5.1 PERBINCANGAN	25
5.2 CADANGAN	26
5.3 KESIMPULAN.....	26
RUJUKAN	27

BAB 1

1.1 PENGENALAN

Tingkahlaku manusia boleh mencerminkan pembentukan sahsiah diri yang baik atau sebaliknya. Ahmad Munawar dan Noranizah(2012:108), menyatakan bahawa kegagalan untuk meletakkan al-Quran dan al-Sunnah dalam pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah Muslim yang komited terhadap tuntutan agama. Sehubungan itu, isu berkaitan sahsiah sering menjadi perhatian masyarakat lebih-lebih lagi apabila ianya berlaku di kalangan pelajar. Laporan BERNAMA (Berita Harian, 4 Disember 2014), menyatakan bahawa seorang pelajar kolej berusia 18 tahun didakwa menyembunyikan kelahiran bayi dengan membuang mayat bayi tersebut di dalam tong sampah selepas dilahirkan. Keadaan tersebut dapat memberikan gambaran tentang perihal pentingnya pembentukan sahsiah diri yang baik serta direndai Allah SWT.

Al-Quran merupakan panduan hidup manusia dan mengandungi contoh serta teladan yang berkait dengan pelbagai aspek kehidupan bertujuan membawa manusia ke arah jalan yang benar dan menyelamatkan manusia daripada jalan yang sesat.

Menurut al-Thobari (2000: 120), Allah SWT menyatakan contoh yang dikehendaki-Nya dalam al-Quran kepada manusia sebagai peringatan terhadap keesaan-Nya. Manakala Ibn Kathir (1998: 293), menyatakan bahawa Allah SWT memberikan sesuatu keterangan dalam al-Quran agar manusia jelas tentang hakikat kebenaran dan supaya manusia menuruti-Nya. Ini jelas menunjukkan bahawa petunjuk Allah SWT merupakan panduan yang terbaik untuk manusia dalam menghadapi cabaran dan ujian kehidupan di dunia.

Quraish Shihab (2009: 67-68), menyatakan bahawa ayat tersebut menjelaskan tujuan Allah SWT menurunkan al-Quran dan mengutuskan Nabi Muhammad SAW adalah untuk membimbing manusia ke jalan yang benar, namun begitu manfaat tersebut hanya boleh dicapai oleh manusia yang bersungguh-sungguh meneliti dan mengkajinya.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan latar belakang kajian yang dinyatakan menunjukkan bahawa ayat 12-19 surah Luqman mengandungi suatu petunjuk yang boleh diterokai dan dikaji berkaitan pembentukan sahsiah anak soleh. Dapatan kajian Rosnaaini Hamid *et al.*(2004), menyatakan bahawa hubungan sesama manusia dititikberatkan dalam pendidikan Luqman iaitu berbuat baik kepada ibu bapa dan berakhhlak mulia terhadap masyarakat.

Abdul Hafiz & Hasni Noor (2016:126), menyatakan bahawa pendidikan Luqman daripada aspek kemasyarakatan dalam kehidupan seharian bertujuan membentuk sahsiah diri yang baik kepada seseorang anak apabila berhadapan dengan masyarakat. Manakala laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN 2013), yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menunjukkan bahawa pengaruh keluarga dan agama memberi kesan yang besar terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan keluarga.

Justeru, nilai-nilai murni yang terkandung dalam nasihat-nasihat Luqman jika dilihat daripada aspek pendidikan mampu membentuk diri pelajar yang bersahsiah unggul. Ini selari dengan pandangan Arifin & Adnan (2013: 135), yang menyatakan bahawa usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerapkan nilai-nilai murni di sekolah adalah untuk membentuk para pelajar agar berperibadi mulia dan mampu dalam membuat keputusan berdasarkan nilai moral diri, keluarga, komuniti dan masyarakat.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti sejauh mana pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut *Tafsir al-Quran al-'Azim* dan *Tafsir al-Azhar*.
2. Mengenalpasti sejauhmana pendekatan terhadap pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 *Tafsir al-Quran al-'Azim* dan *Tafsir al-Azhar*.
3. Mencadangkan garis panduan pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut *Tafsir al-Quran al-'Azim* dan *Tafsir al-Azhar*.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- (1) Apakah pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak solehberdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut *Tafsir al-Quran al-'Azim* dan *Tafsir al-Azhar*?.
- (2) Apakah garis panduan pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut *Tafsir al-Quran al-'Azim* dan *Tafsir al-Azhar*?.

1.5 DEFINISI KAJIAN

1.5.1 Definisi Anak

Anak merupakan keturunan kedua daripada manusia iaitu manusia yang masih kecil (Ensiklopedia Islam, 2004: 144). Manakala dalam al-Quran anak disebut sebagai berita gembira, dan perhiasan hidup (Ensiklopedia Islam, 2004: 144).

Menurut Quraish Shihab (2009: 103), anak merupakan suatu berita gembira yang tidak dapat dibayangkan oleh mereka yang mengukur segala sesuatu dengan ukuran hukum-hukum alam atau hukum sebab dan akibat. Ini kerana berita yang berkait dengan kisah Nabi Zakaria dan isterinya yang dikurniakan anak ketika usia telah lanjut merupakan suatu berita yang luar daripada kebiasaan.

Menurut al-Qurtubi (2008: 1049), anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia kerana mengandungi keindahan, manfaat daripada kekuatan dan pertahanan yang terdapat padanya.

Di dalam Kamus Dewan (2007) anak didefinisikan dengan beberapa makna, di antaranya ialah manusia atau binatang yang masih dalam kandungan atau yang baru lahir, baka yang diturunkan oleh ibu dan bapa, kanak-kanak, budak, binatang yang masih kecil, pokok kecil yang tumbuh pada umbi atau rumpun pokok yang besar, pokok yang baru tumbuh dan orang yang berasal dari (sesuatu tempat atau sesuatu negeri).

Manakala dalam bahasa Arab, anak disebut ibn yang berasal daripada banawun atau walad bagi lelaki dan bintun serta ibnatun bagi perempuan (Ibn Manzur 1997).

1.5.2 Definisi Pendidikan

Perkataan pendidikan berakar kata dari perkataan didik yang memberi maksud perihal mendidik, latihan dan ajaran (Noresah Baharom, 2007).

Di dalam bahasa Inggeris, pendidikan disamaartikan dengan education. Menurut Hassan Langgulung istilah education dalam bahasa Inggeris yang berasal dari bahasa Latin educere bererti memasukkan sesuatu, barangkali bermaksud memasukkan ilmu ke kepala seseorang. Jadi di sini ada tiga hal yang terlibat: ilmu, proses memasukkan dan kepala orang, kalaular ilmu itu memang masuk di kepala (Hassan, 1987).

Manakala di dalam bahasa Arab, terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk merujuk kepada pendidikan. Di antaranya ialah ta'lim, tarbiyyah dan ta'dib. Namun berlaku percanggahan pandangan ulama pada ketiga-tiga perkataan ini dari segi umum dan khususnya.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Al-Quran merupakan sumber panduan daripada Allah SWT kepada manusia untuk menempuh laluan kehidupan yang terbaik di dunia dan menjadi petunjuk dalam merungkai masalah yang dihadapi oleh manusia. Justeru, kepentingan kajian yang dijalankan diharap dapat memainkan peranan dalam memberikan panduan kepada ibu bapa untuk meningkatkan peranan dalam mendidik dan membentuk sahsiah anak soleh.

Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk merangka dan memantapkan lagi pelan tindakan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Sementara itu, bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kajian ini diharapkan boleh membantu pihak kementerian untuk merangka modul dan program-program yang mampu menyokong ke arah pembangunan masyarakat yang mempunyai nilai sahsiah anak soleh.

Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru pendidikan Islam untuk mempertingkatkan pelaksanaan program-program yang boleh membentuk sahsiah anak soleh. Justeru, pelaksanaan program-program daripada Pertubuhan Dakwah Islamiah Sekolah- Sekolah Malaysia boleh diperkasakan.

Seterusnya, penyelidikan ini boleh menambah khazanah ilmu daripada dapatan kajian yang diperolehi serta diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada penyelidik-penyelidik yang lain dalam membuat kajian pada masa akan datang.

1.7 SOROTAN LITERATUR

Surah Luqman mengandungi 34 ayat. Dari segi susunannya di dalam al-Quran, ia merupakan surah yang ke 31, iaitu selepas surah al-Rum dan sebelum surah al-Sajadah. Namun dari segi tertib penurunannya, ia diturunkan selepas surah al-Saafaat.

Jumhur ulama bersepakat bahawa surah ini adalah Surah Makkiyyah. Namun menurut alMaraghiy (2001), surah ini termasuk dalam Surah Makkiyyah, kecuali ayat 28, 29 dan 30. Ketiga-tiga ayat tersebut dikategorikan sebagai Surah Madaniyyah kerana ketiga-tiga ayat tersebut diturunkan ketika baginda s.a.w. berhijrah ke Madinah.

Tujuan penurunan surah ini ialah bagi menjelaskan kepada orang kafir Quraiysh apabila mereka bertanya kepada Nabi s.a.w. tentang kisah Luqman dan anaknya yang patuh dan taat kepada kedua ibubapa.

1.7.1 Sebab Penamaannya

Dinamakan surah Luqman kerana di dalamnya terdapat dasar-dasar hikmat yang diwasiatkan oleh Luqman kepada anaknya, yang mendapat kemuliaan demikian tinggi, sampai dicatat menjadi ayat-ayat al-Quran (Hamka, 1988). Bahkan nama Luqman ini disebut oleh Allah s.w.t. sebanyak dua kali di dalam surah ini, iaitu pada ayat 12 dan ayat 13.

Di antara hikmah-hikmahnya ialah mengetahui sifat wahdaniah Allah s.w.t. serta beribadah kepadanya, perintah berakhhlak dengan akhlak yang baik dan larangan daripada perkara-

perkara mungkar dan maksiat. Cuma berlaku khilaf di kalangan ulama tafsir tentang siapakah Luqman sebenarnya.

1.7.2 Isi Kandungan Surah Luqman secara Umum

Menurut Hamka (1988), sebagaimana kebiasaan al-Quran, terutama pada surah-surah yang diturunkan di Makkah, dalam surah ini diperintahkan terlebih dahulu siapa orang yang akan mendapat petunjuk dan rahmat daripada Allah s.w.t.

Manakala Abdul Hadi (1992), berpandangan surah ini merupakan salah satu daripada beberapa cara al-Quran al-Karim mengetuk jantung hati manusia dalam usaha untuk mengubah akidah yang telah bersemadi di dalam jiwa orang-orang musyrikin, setelah mereka terpesong jauh daripada akidah yang sebenarnya. Seperti mana yang dimaklumi bahawa surah-surah yang diturunkan di Makkatul Mukarramah adalah membicarakan soal pembentukan dan pembersihan akidah melalui uslub dan cara yang pebagai. Seterusnya surah ini menyentuh berbagai-bagai aspek dan sudut tetapi semuanya mengetuk lubuk hati manusia.

Surah ini merangkumi beberapa topik penting yang dimulai dengan menerangkan al-Quran sebagai mukjizat Nabi s.a.w. yang kekal hingga hari kiamat. Lalu dinyatakan pendirian dua golongan yang berbeza, apabila disampaikan al-Quran kepada mereka. Satu golongan, iaitu orang yang beriman dan percaya dengan segala isi kandungannya dan mereka ini iktiraf oleh Allah s.w.t. sebagai orang-orang yang berjaya. Manakala satu golongan lagi enggan menerima petunjuk al-Quran bahkan berpaling dengan sompong. Mereka ini dijanjikan oleh Allah s.w.t. dengan azab yang pedih.

Seterusnya ia membicarakan tentang dalil-dalil wahdaniah dan kudrat Allah s.w.t. yang amat jelas dan terang, iaitu mencipta alam dan makhluk seluruhnya. Dan dikaitkan dengan kisah Luqman al-Hakim yang mendidik dan menasihati anaknya dengan hikmah-hikmah yang memberi manfaat kepada manusia keseluruhannya. Nasihat-nasihat tersebut dimulai dengan dasar utama dan disusun menurut aulawiyaatnya; menjauhi syirik, berbaik kepada ibubapa, perbuatan kecil atau besar semua dalam pengetahuan Allah s.w.t., mendirikan solat, menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran, bersifat sabar, bersifat tawadhu' dan merendahkan suara ketika bercakap.

Kemudian dijelaskan sifat golongan yang engkar kepada Allah s.w.t. dengan alasan mereka menuruti apa yang sudah diiktikadkan oleh nenek moyang mereka. Lalu Allah s.w.t. menerangkan bahawa iman yang sahih hanyalah kepercayaan kepadaNya sahaja, tanpa yang lain. Dan dinyatakan juga bahawa Allah s.w.t.lah yang mencipta segala sesuatu di alam ini serta yang mentadbirnya. Dinyatakan juga dalil-dalil kekuasaanNya yang lain, di antaranya menyilih gantikan siang dan malam, menundukkan matahari dan bulan agar beredar menurut ketentuanNya, menjalankan kapal-kapal di laut dan sebagainya.

Di akhir surah ini, diperintahkan kepada manusia agar bertakwa dan takutlah kepada azab hari Kiamat yang pasti akan berlaku. Hari yang mana tiada orang yang boleh membantu walaupun seorang bapa dengan anaknya atau sebaliknya. Di samping itu dijelaskan lima perkara ghaib yang mana kesemuanya hanya dalam ilmu Allah s.w.t. sahaja.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

1.8.1 Definisi Metodologi Kajian

Penyelidikan merujuk kepada satu proses yang sistematik yang melibatkan proses merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghurai data dan melaporkan maklumat (Chua, 2011). Dengan kata lain, penyelidikan merupakan satu kaedah yang dilakukan untuk memastikan maklumat yang diperoleh munasabah dan disokong oleh data-data kuantiti dan kualiti. Ia dilakukan dengan mengumpul data daripada individu, kumpulan individu, bahan-bahan dokumentasi dan pelbagai sumber maklumat yang lain. (Soy, 1997). L. R. Gay (1996), merumuskan maksud metodologi seperti berikut:

1. Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (merumuskan apa yang dikaji).
2. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan.
3. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas (terperinci) lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

1.8.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kaedah penyelidikan kualitatif membolehkan penerokaan yang mendalam untuk mendapatkan dapatan yang komprehensif bagi mencapai objektif kajian (Creswell, 2013). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual dan kaedah pengumpulan data telah dilakukan berdasarkan sumber

perpustakaan yang mengandungi data primer dan sekunder. Menurut Yusuf (2003) data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, dan temu bual. Data primer merujuk kepada sumber data yang tidak tersedia di dalam fail atau laporan. Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujukan sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, dan artikel akhbar serta majalah.

Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian penyelidikan ini penerokaan secara mendalam berkaitan pendekatan surah Luqman dalam pendidikan anak-anak telah dilakukan terhadap tiga orang responden yang telah ditemu bual secara atas talian. Antara kriteria responden yang diguna pakai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

(a) golongan ibu bapa beragama Islam dalam Malaysia dan (b) golongan ibu bapa yang dibesarkan dalam kalangan masyarakat Islam. Kesemua responden di dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu dan tinggal di kawasan bandar serta luar bandar di Kuantan, Pahang. Sebelum temubual dijalankan temu janji dan persetujuan dari responden untuk terlibat dalam kajian ini telah diperolehi terlebih dahulu. Setiap responden perlu menjawab soalan berdasarkan perspektif dan dari pengalaman hidup mereka sebagai anak-anak yang dibesarkan mengikut syariat Islam. Semua temu bual direkodkan dan ditranskripkan. Analisis tematik telah digunakan dalam menganalisi data. Data dalam kajian ini diasingkan dan dikelompokkan mengikut persamaan dan perbezaan maksud.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 MANHAJ PENDIDIKAN ANAK-ANAK DI DALAM SURAH LUQMAN

Kajian ini akan memfokuskan kepada ayat 12 hingga ayat 19, kerana pada ayat-ayat inilah terdapatnya wasiat Luqman kepada anaknya yang menjadi elemen utama dalam pendidikan, khususnya kepada anak-anak. Hamka (1988) menjelaskan di dalam tafsirnya bahawa wasiat Luqman kepada puteranya hanya terdiri daripada tujuh ayat sahaja. Tetapi dalam ayat yang tujuh itu tersimpanlah dasar-dasar ilmu pendidikan, yang tidak akan berubah-ubah selama manusia masih hidup dalam dunia ini.

Daripada kajian yang dibuat di dalam ayat-ayat tersebut, dapat disimpulkan bahawa asas-asas pendidikan yang perlu diberikan keutamaan dalam mendidik anak-anak dan ia perlu dilaksanakan mengikut aturan *aulawiyyatnya* ialah tiga perkara iaitu dimulakan dengan kefahaman akidah yang sahih, seterusnya menekankan pengamalan hukum syara' serta kepatuhan kepadanya dan akhirnya dihiasi dengan akhlak dan tasauf.

2.1.1 Kefahaman akidah yang sahih

Di dalam ayat 13, Luqman memulakan dengan menasihati anaknya perkara yang menjadi usul dalam kehidupan manusia di bumi ini, iaitu mentauhidkan Allah s.w.t. dan tidak menyekutukanNya dengan sesuatu apa pun. Bahkan pendidikan mengenai iman yang bersifat syumul telah disarankan dalam hadis-hadis baginda s.a.w. Di antaranya, sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: Bukalah (ajarlah) anak-anak kamu kalimah pertama dengan La Ilaha Illa Allah (tiada tuhan melainkan Allah SWT).

(HR al-Hakim)

Ibu bapa yang bertanggungjawab kepada anak-anaknya perlu mendidik dan mengajar mereka perihal mengenal Allah s.w.t. dan mentauhidkanNya. Bahkan ia merupakan kewajipan utama ibubapa untuk menjaga fitrah anak-anak dari menyimpang dan akidah mereka dari kesyirikan. Pengajaran tauhid perlu diletakkan sebagai *aulawiyyat* dalam kehidupan anaknya sebelum diajar syariat, akhlak dan perkara-perkara yang lain.

Khalid (2010) menyatakan bahawa Islam benar-benar menekankan pendidikan akidah tauhid terhadap anak sejak kecil. Dari sinilah mengapa disunnahkan mengumandangkan azan di

telinga bayi sebelah kanan dan iqamat di telinga sebelah kiri; yakni agar dia mendengar kalimah-kalimah takbir, tahmid dan ajakan untuk beribadah kepada Allah s.w.t. pada detik pertama ketika ia menghirup udara kehidupan.

Tambahan pula, setiap individu wajib mempelajari ilmu akidah ini. Al-Laqqoni (2000) menegaskan bahawa wajiblah atas tiap-tiap mukallaf dengan *wajib aini* untuk mengetahui tiap-tiap akidah berserta dalilnya, walaupun dalil *ijmali*. Ada pun mengetahuinya dengan dalil *tafshili*, maka hukumnya fardhu kifayah. Justeru itu pendidikan akidah perlu disemai ke dalam diri anak-anak bermula usia mereka masih kecil lagi.

2.1.2 Menekankan Pengamalan Hukum Syarak serta Kepatuhan Kepadanya

Seterusnya Luqman menasihati anaknya pada ayat 17, agar mendirikan solat dan *al-amr bi al-ma'ruf* (menyuruh yang baik) dan *al-nahyu an al-mungkar* (mencegah kemungkaran).

Pengamalan hukum syarak serta kepatuhan kepadanya adalah manifestasi daripada akidah yang sahih dan *jazam*. Dan dalam masa yang sama pengamalan serta kepatuhan kepada hukum syarak pasti akan menguatkan lagi akidah yang sedia ada dalam hati seseorang. Justeru itu dapat disimpulkan bahawa kedua-duanya saling berhubung kait antara satu sama lain.

Dalam ayat ini Luqman telah memfokuskan kepada ibadat solat ketika menasihati anaknya. Ini menunjukkan bahawa solat merupakan keutamaan selepas daripada akidah. Bahkan di dalam rukun Islam, solat diletakkan pada kedudukan yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah. Sabda Nabi saw yang bermaksud: Didirikan Islam itu atas lima perkara: Menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah s.w.t. dan sesungguhnya Muhammad adalah pesuruh Allah s.w.t., mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan puasa pada bulan Ramadhan.
(HR Bukhari dan Muslim)

Oleh kerana itu, solat adalah ibadat yang amat perlu dititikberatkan oleh ibubapa dalam proses pendidikan anak-anak, bermula dari kecil lagi. Perkara ini telah dijelaskan oleh baginda s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud: Perintahkan anak-anak kamu mendirikan solat ketika usia mereka tujuh tahun dan pulullah mereka ketika mereka berumur sepuluh tahun. (HR Abu Daud dan Ahmad)

Namun mutakhir ini, ia adalah ibadah yang diambil mudah dan dipandang ringan oleh pelbagai pihak. Utusan Online (2014) menyatakan Datuk Doktor Mohd Fadzilah Kamsah mendedahkan 80 peratus umat Islam di Malaysia masih tidak menyempurnakan solat lima waktu dalam sehari.

Selain itu, solat juga mampu membentuk akhlak dan keperibadian anak atau seseorang individu. Firman Allah s.w.t.yang bermaksud: Dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perkara keji dan mungkar.

(Al-Ankabut 29: 45)

Kajian Khalim Zainal dan Wan Zulkifli (2009) merumuskan bahawa pemantapan iman pelajar melalui pendekatan Islam, iaitu solat dan tazkirah agama mampu mengubah tingkah laku mereka.

Di samping mendidik anak-anak dengan menjaga solat, ibubapa juga perlu memastikan mereka menunaikan solat dengan cara dan kaedah yang betul. Didikan melaksanakan solat dengan mengetahui syarat wajib, syarat sah, rukun solat serta melaksanakannya dengan sempurna adalah amat penting. Ini kerana seandainya kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam menunaikan solat sudah menjadi kebiasaan, ia menjadi perkara yang sulit untuk dibetulkan di kemudian hari.

Anak-anak juga perlu dididik untuk mengenal mana yang diperintahkan dan mana yang diharamkan supaya hati mereka sentiasa cenderung untuk beramal dengan perintah Allah s.w.t. dan membenci serta meninggalkan maksiat. Ini juga akan menjadi titik tolak kepada keinginan untuk menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran. Menurut Abdullah (1998), rahsia disebaliknya ialah supaya kanak-kanak itu mencelikkan matanya dari kecil lagi memandang dan memahami perintah-perintah Allah s.w.t. Latihlah ia mematuhi serta mengelakkan laranganNya, kemudian latihlah ia menjauhkannya. Jika kanak-kanak itu memahami hukum-hukum halal dan haram sejak ia berakal dan berhubung rapat dari kecil lagi dengan hukum-hukum syariat pasti dia tidak akan mengenali lain dari Islam sebagai syariat serta metodologi.

2.1.3 Menghiasi Diri Dengan Akhlak

Di dalam ayat yang ke 14, 17, 18 dan 19, Luqman al-Hakim telah menasihati anaknya dengan menerapkan elemen-elemen akhlak dan adab. Di antaranya ialah mentaati kedua ibubapa, bersabar, berkomunikasi dengan manusia secara berakhlek, tidak takabbur, sederhana ketika berjalan dan tidak meninggikan suara ketika bercakap. Dan hakikatnya, keberhasilan akhlak dan adab-adab yang mulia ini adalah natijah daripada kefahaman akidah yang sahih dan pengamalan hukum-hukum syariat secara sempurna.

Tanda syukur terhadap jasa ibubapa ialah dengan melayani keduanya serta menunaikan hakhak mereka. Ibu yang mengandung dan menyusu perlu dihargai kerana ia merupakan pengorbanan yang amat besar. Bahkan baginda s.a.w menjelaskan di dalam hadisnya keutamaan ibu berbanding bapa. Namun dalam masa yang sama dipertegaskan bahawa, hakhak ibubapa hanya perlu ditunaikan seandainya tidak membawa menyekutukan Allah

s.w.t. Sekiranya mereka menyuruh kepada mensyirikkan Allah s.w.t., maka tiada ketaatan dan kepatuhan dalam perkara tersebut.

Manakala suruhan bersabar itu dikaitkan dengan gerak kerja menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran. Wahbah (1998), menyatakan bahawa menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran kebiasaanya menyakitkan penyerunya. Maka ia dituntut agar bersabar. Dan dimulai ayat tersebut dengan wasiat menunaikan solat kerana ia merupakan tiang agama dan ditutup dengan sabar kerana ia asas pengekalan dalam beribadah dan tiang keredhaan Allah s.w.t.

Seterusnya dinasihatkan kepada anaknya agar bercakap dengan seorang secara sopan santun dan berakhhlak. Beradab ketika bercakap dengan seseorang mencerminkan akhlak dan keperibadiaannya. Ketika menafsirkan ayat ini, Hamka (1988) menyatakan ini adalah termasuk budi pekerti, sopan santun dan akhlak yang tinggi. Kalau sedang bercakap berhadap-hadapan dengan seseorang, hadapkanlah muka kepadanya. Dengarkanlah dia bercakap, *simaklah* (dengarlah) baik-baik. Kalau engkau bercakap dengan seseorang, padahal mukanya dihadapkan ke sudut lain, akan tersinggunglah perasaannya. Dirinya tidak dihargai, perkataannya tidak sempurna didengarkan. Perbuatan sebegini juga menunjukkan kepada sifat takabbur seseorang itu.

Begitu juga Luqman menasihati anaknya agar tidak berjalan di atas muka bumi ini dengan somborg dan takkabur. Ini kerana natijahnya amat buruk, sebagaimana yang disabdakan oleh baginda s.a.w yang bermaksud:Tidak masuk syurga barangsiapa yang ada di dalam hatinya sebesar zarah dari sifat takabbur. (HR Muslim)

Luqman menutup nasihat kepada anaknya dengan menyuruhnya berjalan secara sederhana dan tidak meninggikan suara ketika bercakap. Kedua-dua larangan ini juga adalah untuk mengelakkan seseorang daripada menjadi somborg dan takabbur.

Akhhlak Islam yang diwasiatkan oleh Luqman dalam ayat-ayat tersebut seharusnya diberikan perhatian oleh ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak. Ia perlu diterapkan bermula daripada anak-anak masih kecil. Bahkan ibu bapa perlu mempamerkan akhlak tersebut dalam kehidupan mereka, agar menjadi contoh dan suri tauladan kepada anak-anak.

Krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat sekarang berpunca daripada tiadanya penerapan akhlak Islam kepada anak-anak. Penderhakaan kepada ibubapa, budaya maki hamun di jalan raya dan media elektronik seperti *whatsapp*, *facebook*, *twitter* dan *instagram*, budaya menunjuk-nunjuk kekayaan dan kelebihan diri, tidak menghormati orang yang lebih tua dan sebagainya sudah menjadi penyakit yang kian merebak dan tidak mampu dibendung dalam masyarakat. Husin (2011) menyatakan bahawa sekian banyak kajian berbentuk sains sosial dijalankan untuk menangani keruntuhan akhlak yang mana telah puas kita mendengarnya kini. Pelbagai spesifikasi keruntuhan akhlak telah dinyatakan dan langkah kerajaan untuk menanganinya juga telah dikuatkuasakan dengan pelbagai bentuk pelaksanaan mengikut kuasa yang diperuntukkan. Namun masalah keruntuhan akhlak juga tidak berkesudahan dan kadar remaja yang terlibat dengannya juga tidak surut sepanjang tahun ke tahun. Keruntuhan akhlak remaja kelihatan berlaku di mana-mana lokasi sahaja tanpa mengira sama ada daerah bandar maupun di luar bandar.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 DEFINISI METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan merujuk kepada satu proses yang sistematik yang melibatkan proses merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghurai data dan melaporkan maklumat (Chua, 2011). Dengan kata lain, penyelidikan merupakan satu kaedah yang dilakukan untuk memastikan maklumat yang diperoleh munasabah dan disokong oleh data-data kuantiti dan kualiti. Ia dilakukan dengan mengumpul data daripada individu, kumpulan individu, bahan-bahan dokumentasi dan pelbagai sumber maklumat yang lain. (Soy, 1997). L. R. Gay (1996), merumuskan maksud metodologi seperti berikut:

1. Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (merumuskan apa yang dikaji).
2. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan.
3. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas (terperinci) lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Robson (2011), reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan teori, persoalan kajian, metod dan strategi persampelan. Reka bentuk kualitatif adalah bersesuaian bagi kajian penerokaan (Crawford & Irving 2009). Menurut Trochim (2006) kajian kualitatif melibatkan penakulan induktif iaitu proses berfikir daripada perkara umum kepada perkara khusus bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu untuk membina realiti dan makna sesebuah budaya (Neuman, 2006). Metod yang sering dikaitkan dengan reka bentuk kajian kualitatif disesuaikan dari bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi dan sosiologi kualitatif.

Menurut Burn (1995), Merriem (1998) dan Yin (1995) penggunaan reka bentuk kajian kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Ini bermakna sesuatu kajian kebanyakannya mengkaji tentang individu atau peristiwa-peristiwa dalam lingkungan budaya dan persekitaran mereka (Burn, 1995). Menurut Yin (1995) pula reka bentuk kajian kualitatif memfokuskan kepada persoalan ‘siapa’, ‘mengapa’ atau ‘apakah’. Ini bermakna reka bentuk kajian kualitatif membolehkan penyelidikan yang menyeluruh atau holistik bagi mengetahui ciri-ciri dalam sesuatu peristiwa atau kehidupan sebenar.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kaedah penyelidikan kualitatif membolehkan penerokaan yang mendalam untuk mendapatkan dapatan yang komprehensif bagi mencapai objektif kajian (Creswell, 2013). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual dan kaedah pengumpulan data telah dilakukan berdasarkan sumber perpustakaan yang mengandungi data primer dan sekunder. Menurut Yusuf (2003) data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian.

Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, dan temu bual. Data primer merujuk kepada sumber data yang tidak tersedia di dalam fail atau laporan. Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujuk sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, dan artikel akhbar serta majalah.

Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian penyelidikan ini penerokaan secara mendalam berkaitan pendekatan surah Luqman dalam pendidikan anak-anak telah dilakukan terhadap tiga orang responden yang telah ditemu bual secara atas talian.

3.3 POPULASI DAN PERSAMPELAN

Gay dan Airasian (2003) mendefinikan populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji, iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan. Persampelan merupakan strategi pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sampel kajian ialah responden-responden kajian yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi yang dikaji. Maklumat yang didapati daripada sampel boleh digunakan bagi menganggarkan maklumat tentang populasi yang dikaji (Blum & Froos, 1986). Kajian ini memilih Sampelan Tidak Rawak iaitu Sampelan Bertujuan, sebagaimana pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang diwakili populasi. Sebagai contoh, pengkaji memilih sampel individu beragama Islam yang beliau kenali untuk mengkaji tentang masalah sosial di kalangan masyarakat Islam (Cohen & Manion, 1989) Menurut Burn (1995), kaedah persampelan bertujuan dipilih kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu kajian berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji dan salah satu kaedah untuk memilih kes bagi mengambarkan sesuatu proses (Silverman, 2000).

Justeru, untuk kajian ini, pengkaji memilih sample responden yang berkriteria seperti berikut: (a) golongan ibu bapa yang beragama Islam dalam Malaysia dan (b) golongan ibu bapa yang dibesarkan dalam kelompok masyarakat Islam. Kesemua responden di dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu dan tinggal di kawasan bandar serta luar bandar.

3.4 PROSES PENGUMPULAN DATA

Menurut Patton (1990) data kualitatif mengandungi petikan secara tidak langsung tentang pengalaman, pendapat, perasaan, dan pengetahuan yang diperoleh melalui temu bual, perincian deskripsi tentang aktiviti, tingkah laku dan tindakan yang direkodkan melalui pemerhatian dan petikan, kutipan atau keseluruhan perenggan yang diambil daripada pelbagai jenis dokumen. Data kualitatif berbentuk deskriptif berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor & Bogdan, 1984). Tiga teknik yang lazimnya digunakan oleh para penyelidik kajian kualitatif ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Bogdan & Biklen 2007; Merriam 2009).

Temu bual kualitatif mempunyai kelebihan dari segi memperoleh dan menerokai pengalaman orang lain dan dapat menghasil data yang unik (Patton, 2002). Temu bual dalam kajian kualitatif diakui mempunyai kelebihan dari segi kedalaman kajian (Silverman, 2009). Merriem (1998) menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan temu bual mendalam menggunakan teknik temu bual berstruktur dan temu bual separa berstruktur supaya responden bebas untuk memberi pendapat bagi topik temu bual yang luas, dengan sedikit pertanyaan dari pengkaji (Robson, 2011). Ini kerana menurut Merriem (1998) penggunaan temu bual berstruktur bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang tepat seperti maklumat sosiodemografik,

umur, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya. Manakala temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Pendekatan ini diakui bernilai seperti diakui Patton (2002). Bilangan responden yang ditemu bual bukan menjadi isu dalam kajian kualitatif kerana tidak ada satu peraturan khusus boleh diguna bagi menentu saiz sampel yang temu bual (Patton 2002; Connaway & Powell 2010).

Pengkaji akan menemubual responden melalui telefon untuk mendapatkan maklumat. Antara kelebihan temu bual melalui telefon ialah data dapat dikumpulkan dengan cepat dan efisien. Pengkaji juga mempunyai tempoh yang singkat untuk mendapatkan informasi yang lengkap. Crawford & Irving (2009) menegaskan, responden yang ditemu bual dapat mengaitkan pengalaman dan pelajaran yang dimiliki dengan kepakaran dan pengetahuan terkini. Hal ini menghasilkan kefahaman menyeluruh berkaitan sesuatu isu. Menurut Denzin (2001), temu bual haruslah lebih daripada hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia perlulah bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan yang sebenar.


Sebelum temubual dijalankan temu janji dan persetujuan dari responden untuk terlibat dalam kajian ini telah diperolehi terlebih dahulu. Setiap responden perlu menjawab soalan berdasarkan perspektif dan dari pengalaman hidup mereka dalam mendidik anak-anak mereka mengikut syariat Islam. Semua temu bual direkodkan dan ditranskripkan. Analisis tematik telah digunakan dalam menganalisis data.

3.5 DATA ANALISIS

Penganalisan data ialah suatu proses yang sistematik untuk mencari, menyusun maklumat daripada transkrip-transkrip temu bual, nota lapangan dan bahan-bahan lain yang telah dikumpul untuk meningkatkan kefahaman terhadap maklumat tersebut (Borgdan & Biklen, 1992). Data kualitatif yang dikumpul perlu dianalisis. Pendekatan analisis kandungan seperti mana yang dicadangkan oleh Miles dan Huperman (1984), Burn (1995) dan Merriem (1998) telah digunakan untuk menganalisis data temu bual. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna. Kategori dan subkategori pengkodan telah dibangunkan sebaik saja pengumpulan data pertama dilakukan (Burn, 1995). Miles dan Huperman (1984) menyatakan bahawa pengkodan bukanlah sesuatu data yang telah siap sedia dianalisis tetapi ianya terbit terus menerus sepanjang proses pengumpulan data. Oleh itu, pembentukan kategori pengkodan merupakan satu bentuk analisi yang berterusan, setiap kategori diperhalusi sehingga kategori-kategori tertentu dapat mengambarkan keadaan yang berlaku di dalam sesuatu kajian. Analisis kandungan adalah penting untuk menjanaan kategori yang melibatkan pelbagai tema (Burn, 1995).

Seterusnya kajian menerapkan kaedah penganalisan data berpandukan dua kaedah utama iaitu kaedah induktif dan deskriptif. Kaedah induktif diaplikasikan untuk mendapatkan fakta-fakta yang bersesuaian mengenai pengajaran dalam talian ketika wabak Covid-19. Menurut Neuman (2006) kaedah induktif ialah proses berfikir daripada perkara umum kepada perkara khusus bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu untuk membina realiti dan makna sesebuah budaya. Kaedah deskriptif pula diaplikasikan bagi menghuraikan data-data. Kaedah deskriptif bertujuan memberikan gambaran yang tepat terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu populasi. Pengkaji akan menjelaskan bagaimana rupa bentuk keadaan sosial yang hendak dikaji (Sabitha Marican, 2005).

Rajah dibawah menunjukkan ringkasan metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji.



Rajah 1: Metodologi kajian

BAB 4

DATA ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN

Pengkaji menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif bagi meneroka pendekatan surah Luqman dalam pendidikan anak-anak. Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data dan membentuk tema yang berpadanan untuk menjawab persoalan kajian dalam kajian ini. Analisis tematik ini dimulakan dengan tahap permulaan menganalisis data dan diikuti oleh proses lanjutan iaitu memasuki bahagian pembinaan kod dilakukan ke atas manuskrip temubual bagi mengenal pasti tema yang wujud. Kod diperolehi daripada frasa, kata kunci, perkataan mahupun pernyataan yang mewakili sesuatu makna yang sama mahupun yang bertentangan dalam manuskrip temubual.

Dengan menggunakan analisis tematik, terdapat 3 tema yang terbentuk bagi dapatan kajian ini iaitu pemahaman ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berlandaskan syariat Islam, maka untuk meneliti tahap pemahaman berikut, analisis tematik dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan daripada beberapa kategori iaitu perbezaan penempatan, kos sara hidup, dan bilangan anak.Tema yang kedua ialah keberkesanan medium pengajaran dalam pendidikan anak-anak mengikut syariat Islam. Bagi menilai keberkesanan ini, analisis tematik

yang dibina mengkaji beberapa medium pengajaran yang digunakan sepanjang tempoh pendidikan berlaku. Tema ketiga ialah penerimaan anak-anak terhadap pendekatan pendidikan mengikut syariat Islam, analisis tematik telah menilai kesan emosi melalui beberapa faktor iaitu komitmen anak-anak di rumah dan aktiviti sosial anak-anak.

4.1 PEMAHAMAN IBU BAPA

Pada awal temubual dijalankan, 3 responden memperkenalkan diri dan menceritakan latar belakang keluarga mereka. Responden 1 tinggal bersama isteri dan tiga orang anak lelaki. Manakala responden 2 tinggal bersama isteri bersama seorang anak perempuan. Responden 3 tinggal bersama isteri serta 3 anak lelaki dan seorang anak perempuan. Kesemua responden dibesarkan dalam kelompok masyarakat Islam, jadi mereka memahami kepentingan pendidikan anak-anak mengikut syariat Islam.

4.2 KEBERKESANAN MEDIUM PENGAJARAN

Tujuan utama temubual ini adalah untuk melihat keberkesanan medium pengajaran terhadap anak-anak. Menceritakan tentang penggunaan medium pendidikan di rumah, masing-masing memberi pandangan positif.

Responden 1 menyatakan

“Salah satu medium yang saya gunakan adalah Iqra’ dan al-Quran”.

Responden 2 dan Responden 3 memberi pendapat yang sama.

Responden 2:

“Saya pula banyak menggunakan buku sirah para nabi dan rasul, lebih-lebih lagi jika buku tersebut buku bergambar. Anak-anak lagi suka”.

Responden 3:

“Di rumah saya, terdapat satu kamus bergambar Islam yang mempunyai tiga bahasa iaitu bahasa Inggeris, Melayu, dan Arab. Jadi, anak-anak dapat mempelajari tiga bahasa dalam satu masa”.

Berdasarkan temubual, semua responden memberi pandangan yang positif kerana mereka memahami keperluan pendidikan anak-anak dalam Islam sejak dari kecil.

Berbincang mengenai gadget atau peranti mudah alih dan rangkaian internet, kesemua responden menyatakan bahawa mereka tidak memberi pendedahan sepenuhnya tentang gadget kepada anak-anak mereka sebelum anak mereka mencapai umur 7 tahun. Responden 3: *“Ada bagi kebenaran menonton tv. Tapi hanya bila saya atau isteri teman sahaja”*.

Responden 2: *“Anak lebih suka melakukan aktiviti lasak berbanding menggunakan gadget”*.

Selain itu, responden memberikan pendapat berbeza dalam kelakuan anak mereka dalam melaksanakan tugas yang diberikan oleh mereka. Responden 1 dan 2 menyatakan bahawa anak mereka mematuhi arahan yang diberi dan melaksanakan tugas dengan baik. Hal ini dipersetujui oleh Responden 1 dengan menyatakan bahawa

“Anak bongsu saya sekarang sudah pandai mengemas barang-barangnya tanpa disuruh. Pada awalnya, susah juga. Tapi selepas saya dan isteri menerangkan tentang kelebihan mengemas, barulah anak saya mula belajar mengemas barangnya sendiri”.

Namun Responden 2 berbeza pendapat:

“Anak perempuan saya lebih mengutamakan arahan yang diberikan oleh isteri saya berbanding daripada saya sendiri. Mungkin ini disebabkan anak saya lebih mesra dengan isteri saya”.

4.3 PENERIMAAN ANAK-ANAK

Berbincang mengenai penerimaan anak-anak tentang pendidikan Islam sejak dari kecil lagi, kesemua responden memberi pandangan yang positif.

Responden 1 menyatakan bahawa:

“Anak-anak banyak bertanyakan kepada saya tentang sejarah Islam dan tokoh-tokoh Islam. Kadang-kadang, saya terpaksa bertanyakan soalan mereka kepada kawan sekkerja saya yang juga seorang guru Pendidikan Islam di tempat kerja saya kerana saya tidak begitu arif dalam sejarah Islam.”

“Alhamdulillah, anak-anak saya sekarang mempunyai banyak pengetahuan tentang sejarah dan tokoh-tokoh Islam”.

Responden 2 juga turut bersetuju dengan menyatakan:

“Anak saya sekarang sudah pandai menjaga kebersihan diri dan tempat tidurnya setiap kali sebelum berangkat ke sekolah. guru kelasnya juga memuji anak saya kerana dia sentiasa berkelakuan sopan semasa di dalam kelas”.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Bab ini membincangkan berkaitan perbincangan dapatan kajian yang telah dijalankan berkaitan pendekatan surah Luqman dalam pendidikan anak-anak dan memberi cadangan-cadangan penambahbaikan untuk menjadikan pendekatan ini satu pembentukan jalan dakwah yang dapat digunakan dalam melahirkan generasi atau pemuda yang cemerlang di dunia dan akhirat dan cadangan bagaimana untuk menjadikan pendekatan ini suatu kaedah yang boleh diperlakukan oleh ibu bapa terutamanya yang beragama Islam dalam mendidik anak-anak mereka dari usia muda. Seterusnya bab ini juga membincangkan kesimpulan yang pengkaji dapati dalam kajian ini.

5.1 PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, penyelidik menumpukan perbincangan mengenai kajian yang telah dijalankan iaitu kajian berkaitan Pendekatan Surah Luqman Dalam Pendidikan Anak-Anak.

5.2 CADANGAN

Jika ibu bapa dapat menunjukkan akhlak yang baik dan percakapan yang baik, ia mampu menarik minat anak-anak dalam mendengar dan memahami apa yang kita cuba sampaikan. Ibu bapa juga perlulah bijak dalam mendidik anak-anak mereka agar anak-anak tidak terleka dengan perkara lain ketika ibu bapa sedang mengajar. Aktiviti pendidikan akan menjadi lebih menyeronokkan jika ibu dan bapa mempunyai hubungan yang rapat bersama anak mereka kerana ia mampu membentuk akhlak anak-anak dari usia muda lagi.

Selain itu, dalam mendidik anak-anak, ibu bapa juga perlu pandai mencari peluang dalam menggunakan cara penyampaian yang berlainan antara satu sama lain agar anak-anak tidak cepat merasa bosan dengan didikan ibu bapa. Antaranya, ibu boleh menggunakan kaedah bernyanyi nasyid dan bapa pula menggunakan kaedah menjelaskan ayat-ayat yang terkandung didalam lagu tersebut kerana anak-anak kecil sangat suka akan hiburan.

5.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya Allah s.w.t. telah menggariskan metodologi terbaik di dalam al-Quran untuk mendidik anak-anak. Bahkan dijelaskan apakah *maudhu-maudhu* yang menjadi *aulawiyat* yang perlu diberi perhatian oleh ibubapa dalam proses mendidik anak-anak mereka. Surah Luqman menjadi silibus pendidikan yang perlu diguna pakai sepanjang zaman oleh ibu bapa khususnya dan umat Islam umumnya. Ia telah menyusun atur sistem pendidikan anak-anak bermula dengan menekankan aspek akidah dalam jiwa anak-anak. Akidah adalah tunjang kepada Islam. Ia mempunyai hubung kait yang amat rapat dengan syariat dan akhlak. Tanpanya amal ibadah serta kebaikan yang dilakukan akan menjadi sia-sia. Selain itu akidah mampu menjadi pelindung kepada seseorang walau di mana dia berada.

Seterusnya perkara kedua yang menjadi keutamaan ialah syariah, dan solat menjadi tunjangnya. Solat mampu mencegah daripada kemungkaran dan kekejadian sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Ankabut ayat 45. Manakala aspek ketiga yang perlu diberikan keutamaan ialah akhlak dan adab. Ia adalah penyempurna kepada akidah dan syariat. Ia tidak akan berhasil dengan sendiri melainkan proses pemupukan telah bermula sejak kecil lagi. Walaupun dari segi prioritinya pendidikan anak-anak mesti dimulakan dengan akidah, seterusnya syariah dan akhlak, namun dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga elemen penting ini perlu diimplementasikan secara serentak bagi menghasilkan natijah yang terbaik.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Awang. (1992). *Al-Tibyan Dalam Menafsirkan al-Quran: Surah Luqman*. Kuala Terengganu: Pustaka Sinaran.
- Abdul Majid Aziz al-Zindany. (1990). *Kitab Tauhid (Soal Jawab Tentang Keimanan)*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. (1998). *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. J. 1.
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy. (2001). *Tafsir al-Maraghiy*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka. J. 11.
- Ahmad bin Muhammad. (2000). *Al-Misbah Al-Munir*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Barnadib. (1987). *Filsafat Pendidikan: Pengantar Mengenai Sistem dan Metode*. Yogyakarta: IKIP.
- Ghazali Darusalam. (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pedagogi Pendidikan Islam.
- Ghazali Basri. (2012). *Falsafah Pendidikan Islam: Huraian Konsep dan Aplikasi*. Brunei: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Hamka. (t.thn). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Hans Wehr. (1974). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Hassan Langgulung. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Husin Junoh. (2011). *Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Ibrahim al-Laqqoni. (2000). *Jauharah al-Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Jamaah Min Kibar al-Lughawiyyin al-‘Arab. *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi*. Al-Munazommah al-‘Arabiyyah lil Tarbiyyah wa al-Thaqofah wa al-Ulum.

Khalid Abdurrahman al-Ikk. (2010). *Pedoman Pendidikan Anak-anak Menurut al-Quran dan Sunnah*. Surakarta: Al-Qowam.

Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). *Pendekatan Islam Dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes*. Journal of Islamic And Arabian Education 1(2).

Muhammad bin Mukram. (1997). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sader. J. 1.

Muhammad Tohir bin 'Asyur. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunis lil Nashr. J. 14.

Noresah Baharom. (2007). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.

Said Hawwa. (1999). *Al-Asas fi al-Tafsir*. Kaherah: Dar al-Salam. J. 6

Wahbah al-Zuhaily. (1998). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr. J. 21-22.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0616&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm